



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PENYEMPURNAAN PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT KEHORMATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, PINGAT KERJA LAMA (P.K.L.)
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-78 TAHUN
BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

Hari Selasa, 05 Muharram 1447H bersamaan 01 Julai 2025M

Kementerian Pembangunan hari ini mengadakan Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, Pingat Kerja Lama (P.K.L.) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-78 bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Majlis berlangsung di Dewan Mawaddah, Setia Point, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Seramai 134 penerima Pingat Kerja Lama (P.K.L.) diraikan pada majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diteruskan dengan penyampaian Pingat Kerja Lama yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan; dan Yang Mulia Ir. Awang Norazmi bin Othman, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan; Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta para penerima yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya.

Majlis ini merupakan satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada individu yang telah berkhidmat lebih dari 20 tahun atas jasa dan sumbangan bakti yang telah diberikan sepanjang mereka berkhidmat.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan**